

# Azam siswi baru UPM

Yakin mampu pikul tanggungjawab seperti pelajar lain dalam Sarjana Muda Sains Biologi di UPM



>>Oleh Mohd Azam Shah Yaacob

mohdazam@hmetro.com.my

**S**ERDANG: "Saya gembira ditawarkan belajar di sini, walaupun ada kekurangan pada diri, saya yakin boleh memikul tanggungjawab sebagai pelajar sama seperti pelajar lain," kata Nurbaitul Izzah Nordin, 19, seorang daripada 3,600 pelajar yang melafazkan ikrar sebagai pelajar baru Universiti Putra Malaysia, di sini semalam.

Nurbaitul Izzah yang mengalami masalah di bahagian kaki akibat penyakit dihidapinya sejak kecil menyebabkan dia tidak mampu untuk berjalan dan terpaksa menggunakan kerusi roda sepanjang masa, diterima melanjutkan pelajaran dalam bidang Sarjana Muda Sains Biologi.

Katanya, walaupun sedar kekurangan dirinya, dia tetap menanam semangat untuk berjaya kerana percaya ia bukan satu masalah kepada dirinya.

"Bukan alasan untuk saya tidak berjaya kerana hanya mengalami kekurangan di bahagian kaki saja menyebabkan pergerakan saya terbatas, namun fizikal lain masih normal seperti biasa.



FOTO | Effendy Rashid

**AMBIL BERAT...**Nik Mustapha bertanya khabar kepada Nurbaitul Izzah selepas Majlis Bacaan Ikrar Pelajar Baru UPM Sesi 2009/2010.

"Malah, saya bersyukur dapat melanjutkan pelajaran hingga ke peringkat sarjana kerana bukan senang dapat peluang melanjutkan pelajaran ke peringkat ini," katanya ketika ditemui selepas Majlis Bacaan Ikrar Pelajar Baru Sesi 2009/2010 Universiti Putra Malaysia, yang disempurnakan Naib Canselornya, Prof Datuk Dr Mustapha R Abdullah, di sini semalam.

Sementara itu, Ketua Bahagian Hal Ehwal Pelajar UPM, Ab Malek Simon, berkata setiap pelajar kurang upaya yang melanjutkan pelajaran di UPM akan dijaga dari aspek kebajikannya bergantung kepada kelayakan serta latar belakang keluarga pelajar itu.

Katanya, seperti kes mem-

babitkan Nurbaitul Izzah, pihaknya ada menyediakan pelbagai bantuan serta kemudahan bagi memudahkannya belajar membabitkan bantuan pengangkutan, tempat tinggal dan pembiayaan yang selayaknya.

"Kita di sini memang menjaga soal kebajikan pelajar khususnya membabitkan pelajar kurang upaya dengan pelbagai bantuan bagi memudahkan semua pelajar kurang upaya untuk belajar sepanjang mengikuti pengajian di UPM," katanya.

Seramai 4,814 pelajar baru diterima masuk bagi mengikuti sesi pengajian 2009/2010 di UPM membabitkan 3,964 pelajar bagi peringkat sarjana dan 550 peringkat diploma.